

D.R. 28/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pemotongan Bahagian VI

2. Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipindah dengan memotong Bahagian VI.

Pindaan Jadual

3. Jadual kepada Akta ibu dipinda dalam kepala dengan memotong perkataan “17, 18,”.
-

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 (“Akta 792”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk memotong Bahagian VI Akta 792 berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 [Akta 676] untuk memasukkan ke dalam Akta itu peruntukan yang berhubungan dengan kekompetenan saksi kanak-kanak untuk memberikan keterangan dan untuk membenarkan Mahkamah mensabitkan seseorang tertuduh berasaskan keterangan tanpa sokongan saksi kanak-kanak yang diberikan dengan bersumpah atau selainnya. Dengan pindaan ini, kekompetenan saksi kanak-kanak untuk memberikan keterangan dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang yang berhubungan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta 792, atau mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual kepada Akta 792 sekiranya mangsa ialah kanak-kanak, dan pensabitan seseorang bagi kesalahan di bawah Akta 792, atau mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual kepada Akta 792 sekiranya mangsa ialah kanak-kanak, berasaskan keterangan tanpa sokongan saksi kanak-kanak, hendaklah diuruskan di bawah Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda Jadual kepada Akta 792 berbangkit daripada pindaan yang dibuat dalam *fasal 2*.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3323]